



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 NOVEMBER 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------------|---|---|
| 1. 2. | NAFAS BAHARU KEPADA PKS, NASIONAL, SINAR HARIAN -5 15,653 PEMERIKSAAN HARGA MAKSIMUM DEEPAVALI DILAKSANAKAN, ONLINE, UTUSAN MALAYSIA | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3. 4. | TAK MENANG TANGAN SIAPKAN TEMPAHAN BOT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -33 LESEN NELAYAN MUSIM TENGGUJUH. ISU PUKAT TUNDA, ONLINE, HAKAKAH DAILY | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. 6. 7. | KANDANG DITENGGELAMI AIR, 20 EKOR KAMBING DITEMUI MATI, NEGARA, KOSMO -12 CAUSE FOR CONCERN, NATION, THE STAR -12 CHOKO TO DEATH, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Skim Pembiayaan
Mikrokredit hidupkan
semula perniagaan terjejas

NORSHAHZURA MAT ZUKI

Sejak Mac lalu, sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdepan saat getir apabila tidak dapat menjana pendapatan, malah ada yang terpaksa gulung tikar akibat Covid-19.

Pengumuman kerajaan menerusi peruntukan Belanjawan 2021 untuk Skim Pembiayaan Mikrokredit yang akan disalurkan menerusi AgroBank ibarat memberi nafas baharu kepada sektor perniagaan mikro ketika tempoh sukar ini.

Menteri Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang dalam kenyataannya berkata, bantuan di bawah skim ini memberi lebih banyak peluang kepada PKS, golongan wanita dan muda yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan, manakala pengusaha sedia ada boleh membangunkan semula perniagaan yang terjejas.

Beliau turut menyeru supaya lebih ramai menceburi bidang pertanian dan agromakanan terutama mereka yang kehilangan pekerjaan tetapi berminat dengan sektor ini.

KEPUTUSAN kerajaan melancarkan beberapa inisiatif bagi mengimbangi ketidakstabilan ekonomi kepada industri PKS khususnya usahawan wanita sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disifatkan sebagai wajar dan tepat.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Poli-

Nafas baharu kepada PKS

si, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Nor Azira Ayob berkata, pembiayaan mikro kredit merupakan suntikan kewangan yang amat diperlukan oleh PKS dan membuka peluang kepada usahawan kecil terutama usahawan wanita serta usahawan baharu meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing.

Menurutnya, peruntukan pembiayaan mikro kredit ini membantu pengusaha sedia ada mengimbangi bebanan kos operasi ketika sektor ekonomi malar selain dapat digunakan untuk menstabilkan kewangan syarikat dalam usaha memacu kembali perniagaan semasa.

"Industri PKS berada dalam kemelut ekonomi yang tidak menentu ketika ini dan terkesan teruk akibat pandemik Covid-19," katanya.

"Namun, beberapa industri yang diterokai PKS dijangka dapat mengukuhkan pasaran seperti sektor pertanian dan agromakanan kerana ia merupakan keperluan dan mendapat permintaan tinggi. Industri berkenaan dilihat mampu bertahan dan masih relevan dalam situasi genting ketika ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau tidak menolak jika pandemik masih berlarutan, industri PKS akan menerima kesan ledakan ekonomi, namun pengusaha perlu bersiap siaga mengubah strategi perniagaan dan bijak menggunakan Skim Pembiayaan Mikro Kredit serta insentif-insentif lain yang diumumkan kerajaan bagi memastikan ketahanan dan kebolehsaingan industri dapat diperkasakan.

Dr Nor Azira berkata, skim-skim dan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya perlu diurus dengan baik oleh pengusaha PKS bagi tujuan pemulihan syarikat



NOR AZIRA



ALIAS

mahu memastikan sektor agromakanan terus ditingkatkan di setiap rantaian makanan agar rakyat mendapat bekalan makanan yang mencukupi sekali gus menjamin keselamatan makanan, negara akan berjalan dengan lancar.

"Saya berharap lebih ramai menceburi bidang pertanian dan agromakanan kerana Kedua-dua bidang ini mempunyai potensi yang sangat cerah kepada negara pada masa akan datang.

dan menstabilkan pusingan modal untuk merancarkan kembali keupayaan industri serta ekonomi negara.

"Golongan usahawan wanita dan muda yang baharu memulakan perniagaan pula dinasihatkan bijak menggunakan bantuan mahupun peruntukan insentif dan inisiatif kerajaan untuk mengukuhkan kembali perniagaan mereka.

"Bagi yang kehilangan pekerjaan, boleh memanfaatkan skim dan insentif ini untuk memulakan perniagaan sebagai sumber pendapatan baharu," katanya.

Sebarkan maklumat

Pengeluar jeruk buah-buahan terkenal Jeruk Madu Pak Ali, Pak Ali Food Industries Sdn Bhd gembira dengan pengumuman kerajaan mengenai Skim Pembiayaan Mikro Kredit dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan 6 November lalu.

Alias Ali berkata, peruntukan itu dijangka mampu memacu pertumbuhan perniagaan PKS lebih mampan dan bakal memberi peluang kepada PKS, golongan wanita serta orang muda yang terjejas menceburi beberapa bidang perniagaan baharu antaranya pertanian dan agromakanan.

Beliau yakin hasrat kerajaan yang

"Malaysia mempunyai tanah yang subur dan iklim yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman. Bidang pertanian merupakan satu keperluan dan kerajaan disarankan supaya menggiatkan lagi kempen untuk menggalakkan rakyat menceburi bidang ini kerana pertanian tidak semestinya mempunyai ladang yang besar," katanya.

Beliau turut berharap agar kerajaan memperkasakan kaedah penyampaian maklumat mengenai setiap bantuan yang diperuntukkan kepada rakyat supaya ia lebih berkesan, bersasar dan sampai kepada golongan yang layak menerimanya.

"Kebanyakan pemilik perniagaan kurang mendapat maklumat mengenai pembiayaan yang diberikan termasuk kursus yang ditawarkan. Saya harap agensi yang terlibat menyebarkan lagi maklumat berkaitan insentif, tawaran dan bantuan bagi menyedarkan golongan usahawan untuk memanfaatkannya," katanya.

Menurutnya, peruntukan perlu diberikan kepada mereka yang layak dan benar-benar memerlukan.

Jeruk Madu Pak Ali pernah menerima pelbagai anugerah antaranya sebagai pemenang Industri Asas Tani Jaya peringkat kebangsaan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini.



Bantuan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit bakal memberi lebih banyak peluang kepada PKS, golongan wanita dan muda yang ingin menceburi bidang agromakanan.

REAKSI



Skim Pembiayaan Mikro Kredit ini boleh digunakan peniaga untuk bangkit semula selepas terkesan teruk pada masa Covid-19 ini. Ia juga boleh digunakan untuk memperbaharui alat perniagaan seperti pembelian mesin bagi memenuhi permintaan pelanggan." - Pemilik Ros K Enterprise (Kerepek Ros), Muhammad Fauzi Ruslan,



Saya yakin peruntukan khas kepada PKS mampu memulihkan semula perniagaan mereka yang terjejas. Usahawan PKS juga perlu diberikan masa untuk stabil semula seperti sedia kala." - Pengasas Fatimah Frozen Food Sdn Bhd (Fatimah), Fatimah Anis Ibrahim.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|---------|------------|
| 20/11/2020 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

15,653 PEMERIKSAAN SKIM HARGA MAKSIMUM DEEPAVALI DILAKSANAKAN



PUTRAJAYA: Sebanyak 15,653 pemeriksaan dilaksanakan ke atas premis-premis perniagaan seluruh negara bagi pematuhan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2020 bermula 9 hingga 17 November lalu. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, daripada jumlah itu, ia merangkumi 651 pemeriksaan ke atas pemborong dan 15,002 pemeriksaan ke atas peruncit dengan sejumlah 57 tindakan undang-undang diambil terhadap peniaga atas pelbagai kesalahan. Beliau berkata, sebanyak RM3,697.96 nilai sitaan diperoleh dengan kompaun sebanyak RM8,100 melibatkan lima kes kesalahan menjual melebihi harga maksimum dan 52 kesalahan gagal meletakkan tanda harga. "Kementerian menerima tiga aduan berkaitan semasa pelaksanaan skim ini. "Namun pendekatan penguatkuasaan dibuat secara berhemah dengan memberi nasihat dan amaran terlebih dahulu supaya peniaga mematuhi undang-undang sebelum tindakan diambil," katanya dalam kenyataan di sini hari ini. Dalam pada itu, beliau berkata, berdasarkan pemantauan dan maklum balas orang ramai, pelaksanaan skim berkenaan berjalan dengan baik dan mencapai objektif seperti dirancang. Katanya, jalinan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, pihak berkuasa tempatan, pengeluar, pemborong, peruncit, dan pengguna sepanjang pelaksanaan skim ini dengan jayanya," katanya. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 20/11/2020 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

LESEN NELAYAN MUSIM TENGGUJUH, ISU PUKAT TUNDA



KUALA LUMPUR: Jabatan Perikanan Malaysia telah meluluskan sejumlah 148 lesen pukat tunda sementara peralatan tambahan bagi tujuan menangkap udang semasa musim tengkujuh iaitu November hingga Mac ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dato' Che Abdullah Mat Nawi memaklumkan, lesen tersebut juga dikenali sebagai Lesen Peralatan Pukat Tunda Musim Tengkujuh

(PTMT). "Yang hanya dilesenkan kepada vesel tradisional zon A khusus bagi negeri-negeri di Pantai Timur sahaja iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga Johor Timur. "Pada masa ini, Jabatan Perikanan masih mempertimbangkan permohonan baharu Lesen Peralatan Tambahan PTMT secara tahunan kepada pemilik vesel zon A yang mematuhi syarat," ujarnya. Beliau menjawab soalan Ustaz Shaharizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) pada sesi jawapan-jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan di Sidang Dewan Rakyat di Parlimen, di sini semalam. Jelasnya, syarat ditetapkan itu mestilah muatan vesel tersebut adalah 15 gross register tonnage (GRT) ke bawah dan vesel yang terlibat memasang peralatan *turtle exclusion device* (TED). Walau bagaimanapun katanya, jumlah kelulusan khas permohonan Lesen Peralatan Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) setiap tahun adalah tertakluk kepada keupayaan daya tampungan sesebuah kawasan berbanding dengan sumber perikanan sedia ada. "Ini adalah bagi memastikan sumber perikanan dapat diuruskan secara mapan, mengurangkan kesesakan di zon tangkapan serta mengelakkan konflik di kalangan nelayan," terang beliau. Menjawab pertanyaan tambahan juga daripada Shaharizukirnain mengenai isu pukat tunda, Dato' Che Abdullah menyatakan, ia merupakan peralatan menangkap ikan yang sangat destruktif, tidak selektif dan tidak mesra sumber. Di mana kata beliau, pukat tunda mengakibatkan kemerosotan sumber perikanan terutamanya di kawasan pesisiran pantai, selain berlaku isu pencerobohan vesel pukat tunda zon B ke zon A yang tinggi. Hal tersebut akui beliau, telah mencetuskan konflik antara nelayan tradisi dan pengusaha pukat tunda komersial di mana beberapa negara telah mengharamkan penggunaan peralatan tersebut termasuk Indonesia, Jepun dan Hong Kong. "Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan *exit policy* secara *soft landing* bagi pukat tunda, bermula pada tahun 2014," maklumnya. Inisiatif tersebut jelasnya, melibatkan sama ada pemilik vesel bertukar zon di mana ia turut membabitkan pertukaran atau pengekalan peralatan, dan hal tersebut juga memberi kesan tertentu. Antaranya kata beliau, pengusaha akan hilang mata pencarian tanpa alternatif sumber ekonomi lain dan juga kesan kepada jumlah pendaratan ikan dalam jangka masa yang pendek seterusnya meningkatkan harga ikan di pasaran. Sehubungan itu menurutnya, kementerian telah bersetuju agar inisiatif ini dilaksanakan secara *soft landing* untuk memberikan persediaan penuh kepada industri perikanan negara. Jelas beliau, perkara itu melibatkan pelaksanaan pengurangan vesel pukat tunda secara berfasa iaitu menerusi Insentif Penstrukturan Vesel Pukat Tunda Zon B melibatkan pampasan *one-off* diberikan dan Skim Pembiayaan Pemodenan Vesel, selain geran peralatan. – HARAKAHDAILY 19/11/2020

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------------|-----------------|------------|
| 20/11/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

Tak menangan tangan siapkan tempahan bot

Oleh AIMUNITUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Musim tengkujuh memberi sumber rezeki berganda kepada seorang lelaki yang menjadi satu-satunya pembuat bot gentian di daerah ini.

Mula membuat bot gentian sejak lima bulan lalu, Ab. Malik Seman, 47, yang tinggal di Kampung Pasir Tumbuh di sini kini tidak menangan tangan menyiapkan bot gentian ditempah pelanggan.

Ab. Malik berkata, melalui program My Komuniti Perikanan (MyKP) di bawah Jabatan Perikanan, dia berjaya membuka perusahaan bot selepas mengikuti kursus berkaitan.

Katanya, selepas menimba

ilmu dan mendapat kemahiran dalam bidang itu dia bukan sahaja menjadikannya sebagai sumber rezeki, malah berusaha melatih belia tempatan lain pula.

“Proses pembuatan bot fiber ini tidak rumit seperti bot kayu, malah lebih tahan lama serta mudah diselenggara apabila mengalami kebocoran.

“Setakat ini, kami mampu menyiapkan sebuah bot dalam masa seminggu dan masih banyak lagi bot tempahan pelanggan sedang dibina,” katanya ketika ditemui di bengkelnya di Kampung Pasir Tumbuh dekat sini semalam.

Menurut Ab Malik, bot yang paling banyak menerima tempahan ialah bot bersaiz panjang tujuh meter dengan harga RM2,350.

Katanya, tempahan bot gentian sentiasa dibuka dengan mengekalkan harga berpatutan serta mementingkan kualiti untuk jangka masa panjang.

“Bot itu akan digunakan penduduk untuk perpindahan mereka ketika menghadapi musim tengkujuh.

“Selepas tamat musim tengkujuh ini, penduduk yang bekerja sebagai nelayan sungai akan gunakan bot berkenaan untuk tangkap ikan,” katanya.

Seorang belia kampung, Mohd. Ismail Razali, 35, bangga dengan wujudnya bengkel bot di kampung itu.

Katanya, selain belajar kemahiran membuat bot, mereka juga dapat menjana pendapatan untuk keluarga.



AB. Malik Seman (kiri) menyiapkan bot gentian yang ditempah pelanggan sambil mengajar belia membuat bot di Kampung Pasir Tumbuh, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 20/11/2020 | KOSMO | NEGARA | 12 |



SEBAHAGIAN kambing yang mati akibat tenggelam dalam kejadian banjir kilat di Johol, Kuala Pilah semalam.

Kandang ditenggelami air, 20 ekor kambing ditemui mati

KUALA PILAH – Sebanyak 20 ekor kambing mati selepas terperangkap di dalam sebuah kandang akibat banjir kilat yang berlaku di Kampung Air Taling, Dangi dekat Johol di sini semalam.

Pemiliknya, Amir Mohd. Talib berkata, kejadian banjir itu disedarinya dan isteri, Maimunah Abdul Hamid pada pukul 1 pagi sebelum bergegas ke kandang untuk menyelamatkan 52 ekor kambing ternakan mereka dan palet makanan.

“Pada pukul 12.30 tengah malam (semalam) saya sempat menyelamatkan palet makanan kambing dan menarik sebahagian kambing naik ke kandang.

“Air yang deras dan naik de-

ngan cepat menyebabkan baki kambing yang lain tidak dapat diselamatkan. Kami terpaksa tunggu bomba tiba untuk menyelamatkan kami dengan bot pada pukul 5 pagi,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara di Kampung Baru Dangi, Johol, semalam.

Menurut Amir, dia dimaklumkan sebanyak 20 ekor kambingnya mati di dalam kandang, namun masih tidak sempat melihat keadaan yang sebenar kerana berada di pusat pemindahan.

“Ini kali pertama 20 ekor kambing saya mati akibat banjir. Sebelum ini pernah berlaku banjir, namun tidak seteruk kali ini,” katanya yang baru berhabis

RM800 membeli makanan ternakan itu baru-baru ini.

Amir memberitahu, dia juga mempunyai 20 ekor lembu, namun kesemua haiwan itu selamat dan sempat menyelamatkan diri ke kawasan yang lebih tinggi.

Di Jempol, sebanyak tujuh buah rumah dinaiki air sedalam 1.5 meter dalam kejadian banjir kilat di Kampung Orang Asli Langkap, Dangi semalam.

Sekteriat Pengurusan Bencana Daerah Jempol dalam satu kenyataan memberitahu, empat buah keluarga telah dipindahkan ke Surau An-Nur di sini.

Kejadian banjir kilat itu turut berlaku di Felda Bukit Rokan, Gemenchah, Tampin.


| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|----------|---------|------------|
| 20/11/2020 | THE STAR | NATION | 12 |



Cause for concern

Cage fish breeders Anwar Rashid, 39 (left), and Prakcak Way, 31, unloading dead sea bass for auction in Laguna Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan. More than 20 sea bass and grouper breeders had to auction off their fish that died suddenly due to water pollution. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------|----------------------|------------|
| 20/11/2020 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |



CHOKED TO DEATH ... Caged fish breeder Anwar Rashid, 39, unload dead siakap to be auctioned off at Laguna Seri Seven in Tumpat, Kelantan, yesterday. More than 20 caged fish breeders have been forced to auction their dead fish as a result of water pollution since Wednesday.
- **BERNAMAPIX**